



**Siaran Akhbar**  
Untuk Tindakan **SEGERA**  
11 Januari 2016

**KUTIPAN TOL DI PLAZA TOL SERI KEMBANGAN, LEBUHRAYA KUALA LUMPUR –  
PUTRAJAYA (MEX)**

KAJANG, 11 Januari 2016 - Maju Expressway (MEX) ingin memaklumkan bahawa kutipan tol bagi Plaza Tol Seri Kembangan, Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya (MEX) yang telah dibuka kepada orang ramai mulai 13 Disember 2015 lalu, akan berkuatkuasa pada **00:01 pagi, 13 Januari 2016**.

Kutipan tol di plaza tol ini akan dilaksanakan secara sistem tol terbuka dan kadar tol yang akan dikenakan adalah seperti berikut :

<b>KELAS KENDERAAN</b>	<b>KADAR TOL (RM)</b>
<b><u>Kelas 1</u></b> Kenderaan yang mempunyai 2 gandar dan 3 atau 4 roda (kecuali teksi dan bas)	<b>2.20</b>
<b><u>Kelas 2</u></b> Kenderaan yang mempunyai 2 gandar dan 6 roda (kecuali bas).	<b>4.40</b>
<b><u>Kelas 3</u></b> Kenderaan yang mempunyai 3 gandar atau lebih (kecuali bas).	<b>6.60</b>
<b><u>Kelas 4</u></b> Teksi	<b>1.10</b>
<b><u>Kelas 5</u></b> Bas	<b>2.20</b>



Plaza tol ini akan melaksanakan kutipan tol secara elektronik (ETC) sepenuhnya dan pengguna lebuhraya perlu menggunakan sama ada kad Touch 'n Go, kad PLUSMILES atau SmartTAG untuk melakukan transaksi bayaran tol.

Pengguna dinasihatkan supaya mematuhi peraturan perjalanan dan papan tanda arah yang disediakan semasa melalui plaza tol ini bagi perjalanan yang lancar ke destinasi yang dituju.

Orang ramai yang mempunyai sebarang pertanyaan lanjut berhubung pelaksanaan kutipan tol ini boleh menghubungi pusat khidmat pelanggan Lebuhraya MEX di talian 03-83159111. Maklumat lanjut mengenai kadar tol serta info terkini mengenai trafik di Lebuhraya MEX boleh diperolehi di akaun Twitter MEX di [@MEXTraffic](#) dan Facebook di [MEX Trafik](#) atau Rakan MEX.